

Ketokohan Izz al-Din Ibn Abd Salam (m. 660H) dalam Perkembangan Sejarah dan Tamadun Islam
(The Eminence of Izz al-Din Ibn Abd Al-Salam (d. 660H) in the Development of Islamic History and Civilization)

Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar,* Sa'adan Man,** Norhidayah Pauzi,***
Mohd Hafiz Jamaluddin**** & Muhammad Safwan Harun*****

Abstrak

Izz al-Din Ibn Abd Salam merupakan salah seorang tokoh besar dalam sejarah perkembangan Islam khususnya kepada perkembangan hukum Islam. Ketegasan beliau dihormati oleh para pemimpin dan masyarakat sehingga beliau diberi gelaran *al-sultan al-ulama* dan *al-ba'i al-umara'*. Sumbangan beliau kepada agama dan masyarakat sangat besar sehingga beliau pernah dilantik menjadi mufti di dua buah kerajaan. Berdasarkan penelitian, masih belum wujud perbincangan yang membahaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan ketokohan beliau. Justeru makalah ini bertujuan mengkaji faktor yang mempengaruhi pembentukan karakter ketokohan Izz al-Din Ibn Abd Salam dalam kehidupannya. Kajian dilakukan melalui metode penelitian kualitatif. Data dikumpul melalui metode kepustakaan dan dianalisis melalui metode induktif, deduktif dan tematik. Kajian mendapati Izz al-Din Ibn Abd Salam merupakan seorang yang tegas dan berprinsip dalam mempertahankan pendirian. Hal ini dibuktikan melalui fatwa-fatwa yang diputuskan oleh beliau yang tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana individu yang berkepentingan. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kecemerlangan ketokohan beliau antaranya faktor keilmuan, sosial politik, sosial masyarakat serta prinsip kuat terhadap pegangan agama.

Kata kunci: Izz al-Din Ibn Abd Salam, ketokohan, faktor-Faktor, sosial, latar belakang

Abstract

Izz al-Din Ibn Abd Salam was one of the most significant figures in the history of Islamic development, particularly in the field of Islamic jurisprudence. His firmness and unwavering principles earned him great respect from both leaders and society, to the extent that he was honoured with titles such as al-Sultan al-Ulama and al-ba'i al-Umara. His contributions to religion and society were so profound that he was appointed as a mufti in two different kingdoms. Despite his influence, research reveals that discussions regarding the factors that contributed to his outstanding prominence remain scarce. This paper aims to examine the factors that shaped the character and prominence of Izz al-Din Ibn Abd Salam throughout his life. The study adopts a qualitative research methodology, gathering data through literature review and analysing it using inductive, deductive, and thematic methods. The research finds that Izz al-Din Ibn Abd Salam was a man of strong principles and firm in defending his views, as evidenced by his fatwas, which were immune to influence by individuals with vested interests. Various factors influenced his distinguished stature, including his scholarly knowledge, socio-political environment, societal influences, and his steadfast adherence to religious beliefs.

Keywords: Izz al-Din Ibn Abd Salam, prominence, factors, social, background

* Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar (PhD), Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: syedjeffri89@um.edu.my.

** Sa'adan Man (PhD), Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: saadan@um.edu.my.

*** Norhidayah Pauzi (PhD), Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: da_my85um.edu.my.

**** Mohd Hafiz Jamaluddin (corresponding author) (PhD), Senior Lecturer, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: hafiz_usul@um.edu.my.

***** Muhammad Safwan Harun (PhD), Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: safone_15@um.edu.my.

Pengenalan

Dalam sejarah peradaban Islam, ulama sering dilihat sebagai penjaga nilai-nilai agama dan penegak keadilan sosial.¹ Mereka bukan sahaja berperanan sebagai ilmuwan dan pendidik, tetapi juga sebagai suara moral dalam masyarakat, sering kali menjadi benteng terakhir dalam menentang penyelewengan kuasa dan ketidakadilan. Salah seorang di antara tokoh ulama yang menonjol adalah Izz al-Din Ibn Abd Salam. Beliau merupakan salah seorang tokoh yang luar biasa, dikenang bukan sahaja kerana ilmunya yang mendalam, tetapi juga kerana keberaniannya menentang ketidakadilan, meskipun dalam menghadapi tekanan dari pemerintah.²

Dikenali dengan gelaran “*al-sultan al-ulama*,” Izz al-Din Ibn Abd Salam adalah lambang ketegasan dan keberanian dalam menyuarakan kebenaran.³ Gelaran ini bukanlah diberikan secara sembarangan, tetapi merupakan pengiktirafan terhadap kekuatan karakter dan kepimpinan beliau dalam mempertahankan prinsip-prinsip Islam. Selain itu, beliau juga digelar “*al-ba’i al-umara*” yang menggambarkan keberaniannya dalam menasihati menegur penguasa demi kemaslahatan umum.⁴ Izz al-Din Ibn Abd Salam tidak hanya dikenang sebagai seorang mufti yang berkhidmat dalam dua kerajaan, tetapi juga sebagai seorang reformis yang membawa perubahan dalam cara berfikir masyarakat pada zamannya. Fatwa-fatwa yang dikeluarkannya sering kali menjadi penanda aras dalam isu-isu hukum yang kompleks, menunjukkan kebijaksanaan dan ketelitiannya dalam memahami dan menerapkan hukum syariah. Ketegasan beliau dalam mengeluarkan fatwa tanpa terpengaruh oleh mana-mana individu atau pihak berkepentingan menjadikan beliau seorang tokoh yang sukar ditandingi. Justeru suatu perkara yang menarik untuk dibahaskan, apakah faktor-faktor yang membentuk ketokohan ulama ini sehingga jasa dan sumbangan beliau sentiasa menjadi rujukan para ulama terkemudian.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif. Data data berhubung tokoh yang dikaji iaitu Izz al-Din Ibn Abd Salam dikumpul melalui metode kepustakaan dengan merujuk sumber primer iaitu penulisan-penulisan yang dilakukan oleh tokoh tersebut serta sumber sekunder iaitu melalui penulisan pengkaji terdahulu yang turut membincangkan riwayat hidup tokoh tersebut. Kajian turut menggunakan rujukan silang di antara sejarah ketamadunan Islam serta riwayat hidup tokoh yang dibincangkan bagi mengenal pasti perkara yang berlaku diera tokoh tersebut. Data-data tersebut kemudiannya di analisis melalui metode induktif dan deduktif ketika membuat rumusan berhubung faktor-faktor yang mempengaruhi kehidupan tokoh. Faktor-faktor tersebut turut diolah menggunakan kaedah tematik berdasarkan tema sosio kehidupan masyarakat bagi menjadikan perbincangan lebih terarah.

Latar Belakang Ibd Abd Salam

Nama beliau ‘Abd al-Aziz bin ‘Abd al-Salam bin Abi Qasim bin Hasan bin Muhammad Muhammaddin al-Sulami. *Kunniyah* beliau ialah Abu Muhammad namun begitu beliau lebih dikenali dengan gelaran Ibn Abd Salam,⁵ ‘Izz al-Din⁶ dan juga al-Imam al-Izz.⁷ Ibn Daqiq al-I’id telah memanggilnya dengan gelaran Syeikh al-Islam dan juga Sultan al-Ulama kerana kesungguhan beliau menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran terhadap golongan pemerintah ketika itu.⁸

¹ Lihat lebih lanjut berhubung usaha para ulama di dalam hukum Islam. Mohd Hafiz Jamaludin, Norhidayah Pauzi, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar dan Mahyudin Daud (2023), “The Muta’akhhirin Scholars’ Perspective on the Implementation of the Talfiq Concept in Resolving Islamic Legal Issues,” *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, Jil. 25, Bil. 2, h. 325.

² Ali Muhammad al-Sallabi (2009), *Sultan al-‘Ulama wa Bai’ al-Umara*, Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah, h. 7.

³ Abdullah Ibrahim al-Wahibi (1982), *al-‘Izz al-Din ‘Abd Salam: Hayatuhu wa Atharuhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir*, Riyad: t:p, h. 11.

⁴ al-Sallabi, *Sultan al-‘Ulama wa Bai’ al-Umara*, 7.

⁵ Umar Rida Kahalah (1993), *Mu’jam Mu’allifin*, Beirut: Mu’assah al-Risalah, j2, h. 162.

⁶ Pada asalnya namanya ‘Abd Aziz sahaja, namun begitu ditambah al-Din dibelakangnya kerana uruf masyarakat pada ketika itu akan menambah gelaran “al-Din” kepada Sultan seperti Salah al-Din Yusuf, Rukn al-Din al-Zahir, Taj al-Din ‘Abd Wahab dan sebagainya kerana mereka yang menjaga rakyat di bawah naungannya. Dinisbahkan kepada Ibn ‘Abd al-Salam. Dapat menunjukkan beliau mendapat pengiktirafan besar oleh masyarakat dan diakui oleh pemimpin. Lihat al-Wahibi (1982), *al-‘Izz al-Din ‘Abd Salam: Hayatuhu wa Atharuhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir*, h. 47.

⁷ al-Sallabi (2009), *Sultan al-‘Ulama wa Bai’ al-Umara*, h. 11.

⁸ al-Wahibi (1982), *al-‘Izz al-Din ‘Abd Salam: Hayatuhu wa Atharuhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir*, h. 47.

Dinisahkan kepada al-Sulami pada akhir nama beliau sebagaimana yang dicatatkan dalam kitab tafsirnya kerana beliau berasal dari suku kabilah Bani Salim yang merupakan salah satu kabilah yang masyhur di Madar.⁹ Beliau juga merupakan seorang ahli fiqh yang mempunyai kepakaran dalam bidang usul, bahasa arab dan juga tafsir.¹⁰

Lahir dan Kewafatan

Beliau berasal dari Maghribi dilahirkan di Kota Damsyik dan wafat di Mesir. Beliau seorang bermazhab Shafi'i. Para ulama bersepakat mengatakan beliau lahir di Damsyik namun berselisih dalam menentukan tahun kelahirannya sama ada pada tahun 577 H atau 578 H.¹¹ Beliau telah wafat di Mesir pada tahun 660 Hijrah. Pada hari kewafatan, kemuliaan beliau sebagai tokoh ulama agung terbukti apabila jenazah beliau turut disolatkan oleh Sultan Mesir ketika itu dan penduduk Mesir. Seruan solat jenazah telah diungkapkan oleh *mu'azin* ketika itu selepas solat Jumaat dengan ungkapan “Marilah kita solat ke atas al-Faqih al-Imam Syeikh al-Islam ‘Izz al-Din ‘Abd-Salam” tanda kemuliaan pada beliau. Turut dilakukan solat *ghaib* diseluruh daerah Mesir, Mekah, Yaman dan Damsyik.¹²

Pendidikan

Perjalanan menuntut ilmu Izz al-Din Ibn Abd Salam ketika kecil tidak terdapat dalam penulisan kitab sejarah.¹³ Hal ini membawa maksud tiada sesiapa yang menyangka bahwasanya beliau akan menjadi seorang ulama besar ketika dewasa. Menurut al-Sallabi, Izz al-Din Ibn Abd Salam menjalani kehidupan dalam keluarga yang miskin dan tidak dikenali masyarakat. Tiada pada keluarganya sebarang kemewahan, pangkat, gelaran dan ilmu. Namun begitu Kota Damsyik pada zaman beliau merupakan pusat perkembangan ilmu dan maklumat serta menjadi tumpuan utama para ulama dan *fuqaha* ketika itu.¹⁴

Sekalipun menurut sejarawan tidak terdapat penulisan mengenai perjalanan menuntut ilmu ketika beliau masih kecil. Bahkan terdapat sebahagian mengatakan bahwasanya beliau tidak menuntut ilmu melainkan ketika dewasa.¹⁵ Namun begitu para pengkaji cuba meneliti beberapa fakta yang boleh disabitkan bahawa beliau menuntut ilmu ketika kecil, antaranya:

- 1) Beliau menumpang tidur di dalam masjid ketika kecil manakala masjid pula merupakan madrasah tempat perkembangan ilmu pada ketika itu. Sudah pasti beliau belajar daripada guru yang mengajar di masjid.¹⁶
- 2) Sekalipun beliau lahir dari keluarga miskin, namun kehidupan beliau yang bergantung di masjid menunjukkan beliau juga daripada keluarga yang mempunyai pegangan agama.
- 3) Kota Damsyik ketika itu merupakan pusat perkembangan ilmu yang menjadi tumpuan para ulama dan secara tidak langsung mereka yang berada di dalamnya akan terlibat dalam perkembangan ilmu.
- 4) Kesungguhan membaca, menghafal dan mengulangi hafalan ketika di perpustakaan menunjukkan kesungguhan menuntut ilmu ketika kecil.¹⁷

Dalam perjalanan Izz al-Din Ibn Abd Salam menuntut ilmu, beliau tidak berganjak dari satu syeikh kepada satu syeikh yang lain melainkan beliau telah mengkhatamkan pembacaan beliau dengan sempurna daripada guru yang pertama. Malah beliau telah menekuni ilmu berkaitan syariah selama 30 tahun sehingga beliau tidak tidur malam melainkan telah mempelajari ilmu berkaitan syariah bersama gurunya.¹⁸

⁹ al-Wahibi (1982), *al-‘Izz al-Din ‘Abd Salam: Hayatuhi wa Atharuhi wa Manhajuhi fi al-Tafsir*, h. 47.

¹⁰ Umar Rida Kahalah (1993), *Mu’jam Mu’allifin*, j 2, h. 162.

¹¹ Umar Rida Kahalah (1993), *Mu’jam Mu’allifin*, j 2, h. 162; Abi Nasri Ibn ‘Abd al-Wahhab al-Subki (1964), *Tabaqat al-Shafi’iyah al-Kubra*, Kaherah: Faysal ‘Isa al-Babi al-Halabi, j8, h. 209.

¹² Umar Ibn Saleh (2003), *Maqasid al-Shari’ah ‘Inda al-Imam al-‘Izz ‘Abd Salam*, Jordan: Dar al-Nafa’is, h. 39.

¹³ Izz al-Din Ibn Abd Salam (2010), *Qawa'id al-Kubra*, Damsyik: Dar al-Qalam, j1, h. 13; Umar Ibn Saleh (2003), *Maqasid al-Shari’ah ‘Inda al-Imam al-‘Izz ‘Abd Salam*, h. 38.

¹⁴ al-Sallabi (2009), *Sultan al-‘Ulama wa Bai’ al-Umara*, h. 11.

¹⁵ al-Sallabi (2009), *Sultan al-‘Ulama wa Bai’ al-Umara*, h. 13.

¹⁶ Umar Ibn Saleh (2003), *Maqasid al-Shari’ah ‘Inda al-Imam al-‘Izz ‘Abd Salam*, h. 39.

¹⁷ Hasbullah bin Mat Daud (2011), “Teori Maqasid al-Syariah: Kajian Perbandingan Antara al-Shatibi dan Izz al-Din Ibn Abd Salam,” Disertai Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 21.

¹⁸ Umar Ibn Saleh (2003), *Maqasid al-Shari’ah ‘Inda al-Imam al-‘Izz ‘Abd Salam*, h. 43.

Beliau telah mempelajari ilmu tafsir, hadith, fiqh, usul fiqh, bahasa Arab, perbezaan pandangan manusia, ilmu syariah dan juga maqasid¹⁹ di Kota Damsyik. Tidak memadai di Kota Damsyik, beliau telah bermusafir untuk menuntut ilmu ke Kota Baghdad pada tahun 597 hijrah untuk menuntut ilmu, beliau berada di sana selama beberapa bulan untuk mengambil beberapa pengajaran di sana dan kemudian beliau kembali ke Damsyik.²⁰

Pada tahun 639H hijrah beliau berhijrah ke Mesir untuk mendalami ilmu agama daripada ulama Mesir antaranya Syeikh Zaki al-Din ibn ‘Abd al-‘Azim yang pakar dalam ilmu hadith dan Syeikh Abi Hassan ‘Abd ‘Allah Shazuli dalam ilmu tasyawuf dan hakikat.²¹ Beliau juga pernah dilantik menjadi mufti Syam dan Mesir dan ketokohan beliau dalam ilmu pengetahuan menjadikan beliau tempat rujukan penduduk dan pemerintah.²²

Guru-guru

Terdapat ramai guru Izz al-Din Ibn Abd-Salam yang telah mencerahkan ilmu kepada beliau dalam pelbagai bidang seperti ilmu hadith, fiqh, usul fiqh, tasawuf dan sebagainya. Antara gurunya yang masyhur ialah:²³

- 1) ‘Abd Samad al-Harastani (520H-614H), beliau bermazhab al-Shafi’i, antara guru yang terawal kepada ‘Izz al-Din dan juga merupakan seorang qadi di Kota Damsyik serta pakar dalam bidang fiqh. Ketokohan beliau diakui sendiri oleh ‘Izz al-Din sehingga beliau pernah mengatakan kepada anak muridnya tidak pernah aku lihat seseorang yang lebih faqih daripada beliau.
- 2) Fakh al-Din Ibn ‘Asakir (555H-631H), setelah mempelajari ilmu dari al-Harastani, ‘Izz al-Din telah berpindah kepada guru beliau yang seterusnya iaitu Ibn ‘Asakir. Ibn ‘Asakir juga merupakan seorang yang bermazhab Shafi’i dan juga alim dalam ilmu fiqh dan hadith.
- 3) Saif al-Din al-‘Amidi (551H-631H), beliau merupakan pakar dalam bidang usuluddin dan juga usul fiqh. Seorang ulama besar yang banyak mengarang buku dalam kedua-dua bidang ini antaranya *kitab al-Abkar*, *al-Ahkam* dan juga *Syarh Jidal al-Syarif*. Pada awalnya beliau bermazhab Hanbali kemudian bertukar kepada Shafi’iyah.
- 4) Al-Qasim Ibn ‘Asakir (527H-600H), antara penulisan beliau ialah *fadh al-Madinah* dan juga *fadh al-Masjid al-Aqsa*. Izz al-Din mempelajari daripada beliau dalam bidang hadith.
- 5) ‘Abd al-Latif Ibn Syuyukh (523H-596H), beliau merupakan seorang ahli sufi dan ‘Izz al-Din telah mengambil manfaat daripada beliau ilmu hadith.
- 6) Abu Thahir Barakat al-Khusyu’i (M598H), beliau seorang yang alim dalam bidang hadith sehingga dipanggil *Musnad* Syam pada zaman beliau.
- 7) Hanbal a-Rusafi (M604H), beliau merupakan pakar dalam bidang hadith.
- 8) ‘Umar Ibn al-Tabarzad (516H-607H), beliau juga merupakan seorang yang pakar dalam bidang hadith.
- 9) Syihab al-Din al-Sakhrawardi (530H-632H), Izz al-Din mengambil manfaat daripada beliau dalam ilmu tasyawuf dengan mempelajari risalah *qushairiyah*.²⁴

Anak Murid

Sesuai dengan status Izz al-Din Ibn Abd Salam seorang ulamak hebat yang juga seorang mufti dalam dua buah kerajaan yang berlainan sehingga dipanggil dengan gelaran “*al-Sultan al-‘Ulama*” dan juga “*penjual para pemimpin*,” beliau juga turut melahirkan ulamak yang hebat untuk diwarisi umat Islam dalam pelbagai bidang. Antara mereka yang masyhur sebagaimana berikut:

- 1) Syeikh Ibn Daqiq al-‘id (625H-702H). Seorang yang alim dalam bidang fiqh dan juga hadith, pada awalnya beliau seorang yang menekuni mazhab Maliki hasil daripada pendidikan awal

¹⁹ Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, Saadan Man, Norhidayah Pauzi, Mohd Anuar Ramli dan Mohd Rosdi Hassan (2018), “An Analysis on the Basic Thought of al-Shatibi (d.790H) Regarding Bid’ah Theory through His Work al-‘Itisam,” *Afsar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, Jil. 20, Bil. 2, h. 161.

²⁰ Umar Ibn Saleh (2003), *Maqasid al-Shari’ah ‘Inda al-Imam al-‘Izz ‘Abd Salam*, h. 43.

²¹ Umar Ibn Saleh (2003), *Maqasid al-Shari’ah ‘Inda al-Imam al-‘Izz ‘Abd Salam*, h. 44.

²² Hasbullah bin Mat Daud (2011), *Teori Maqasid al-Syariah*, h. 21.

²³ al-Wahibi (1982), *al-‘Izz al-Din ‘Abd Salam: Hayatushu wa Atharuhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir*, h.101-105.

²⁴ Al-Subki (1964), *Tabaqat al-Shafi’iyah al-Kubra*, j 8, h. 214.

beliau daripada ayahnya, kemudian beralih ke mazhab Shafi'i setelah menekuni daripada Izz al-Din Ibn Abd Salam.²⁵

- 2) Ahmad bin 'Abd al-Rahman al-Qarrafi (M684H). Seorang yang alim dalam ilmu fiqh dan bermazhab Maliki.²⁶
- 3) Jalal al-Din al-Disynawi (615H-677H). Seorang yang bermazhab Shafi'i serta alim dalam bidang fiqh, usul serta juga hadith.
- 4) 'Abd Latif ibn al-'Izz Izz al-Din Ibn Abd Salam (628H-695H). Beliau merupakan anak kepada Izz al-Din, seorang yang alim dalam ilmu fiqh dan usul.
- 5) Syarf al-Din Abu Muhammad al-Dumyati (613H-705H). Seorang ulama dalam mazhab Shafi'i yang alim dalam bidang fiqh dan usul serta bahasa.
- 6) Syihab al-Din Abu Shamah (599H-665H). Beliau antara ulama besar dalam mazhab Shafi'i yang banyak mengarang kitab. Seorang yang alim dalam ilmu fiqh, hadith dan juga bahasa arab.
- 7) Al-Imam 'Alaa' al-Din 'Abd Rahman al-Baji (631H-714H). Beliau antara Imam dalam ilmu usul al-din dan juga mantik. Seorang tokoh besar yang berpegang kepada akidah al-Asya'ari dan juga fiqh mazhab Shafi'i. Ketokohan beliau diakui oleh ramai ulama sezaman beliau antaranya rakan seperguruan beliau iaitu Ibn Daqiq al-'Iid.
- 8) Taj al-Din al-Firkah (624H-690H). Seorang ulama dalam mazhab Shafi'i yang alim dalam ilmu fiqh dan usul.
- 9) Al-'Allamah Abu Muhammad Hibbah Allah al-Qifti (601H-646H). Seorang ulama mazhab Shafi'i yang alim dalam ilmu tafsir, hadith dan juga fiqh.

Kepelbagaiannya ilmu agama Izz al-Din Ibn Abd Salam telah melahirkan ramai murid yang bertaraf imam dalam pelbagai bidang. Nama yang dinyatakan hanya sebahagian sahaja dari anak murid beliau yang masyhur dengan kepakaran masing-masing. Terdapat ramai lagi anak murid beliau yang tidak disebut dan boleh didapati dalam penulisan-penulisan yang mengkaji mengenai latar belakang dan juga pemikiran beliau.²⁷

Penulisan

Izz al-Din Ibn Abd Salam antara ulama yang mempunyai paling banyak penulisan dalam pelbagai bidang dan isu-isu semasa yang berlaku pada zaman beliau. Karya penulisan beliau meliputi pelbagai bidang, antaranya tafsir, hadith, akidah, fiqh dan usul, fatawa, tasawuf, sirah, syair serta adab dan akhlak. Al-Wahibi menyatakan 38 buah karya penulisan oleh Izz al-Din Abd-Salam terdiri daripada karya yang dicetak dan juga terdapat sebahagian yang masih belum dicetak dalam pelbagai pengkhususan.²⁸

Tafsir

Antara penulisan beliau dalam bidang tafsir ialah *Ikhtisar Tafsir al-Mawardi (al-Nakt wa al-'Uyun)*,²⁹ *Tafsir Qur'an al-'Azim*,³⁰ *A'mali Izz al-Din 'Abd al-Salam*, *Fawa'id fi Musykil al-Qur'an*,³¹ *al-Isyarah ila al-I'jaz fi Ba'di Anwa' al-'Ijaz*.³²

Hadith

Dalam ilmu hadith pula, hanya terdapat beberapa risalah penulisan Izz al-Din yang mensyarahkan beberapa hadith ditemui iaitu *syarh hadith "la darar wa la dirar,"* *syarh hadith umm al-zar'* dan juga sebuah kitab *mukhtasar sahih muslim*.

Aqidah

Ketokohan Izz al-Din Ibn Abd Salam dalam bidang akidah terbukti apabila terdapat begitu banyak penulisan beliau dalam bidang akidah. Hal ini boleh dilihat melalui penulisan-penulisan akidah beliau

²⁵ al-Wahibi (1982), *al-'Izz al-Din 'Abd Salam: Hayatuhu wa Atharuhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir*, h. 107.

²⁶ 'Umar Ibn Saleh (2003), *Maqasid al-Shari'ah 'Inda al-Imam al-'Izz 'Abd Salam*, h. 61.

²⁷ 'Umar Ibn Saleh (2003), *Maqasid al-Shari'ah 'Inda al-Imam al-'Izz 'Abd Salam*, h. 61, al-Wahibi (1982), *al-'Izz al-Din 'Abd Salam: Hayatuhu wa Atharuhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir*, h. 107; Al-Subki (1964), *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*, j 8, h. 214; al-Sallabi (2009), *Sultan al-'Ulama wa Bat' al-Umara*; Muhammad al-Zuhaly (1992), *al-'Izz 'Abd al-Salam*, Damsyik: Dar al-Qalam, h. 150-160.

²⁸ al-Wahibi (1982), *al-'Izz al-Din 'Abd Salam: Hayatuhu wa Atharuhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir*, h. 115-117.

²⁹ Ibn Abd Salam (1996), *Tafsir Ibn 'Abd al-Salam*, Beirut: Dar Ibn Hazm.

³⁰ Ibn Abd Salam (1998), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Sa'udiah: Jami'i ah 'Umm al-Qura.

³¹ Ibn Abd Salam (1982), *Fawa'id Fi Mushkil al-Qur'an*, Jeddah: Dar al-Syuruq.

³² Ibn Abd Salam (1999), *Majaz al-Quran*, London: Mu'assah al-Furqan Lil al-Turath.

melalui *Risalah fi Ilmi Tawhid*,³³ *Wasiyyah Izz al-Din ‘Abd al-Salam*,³⁴ *Nabzah Mufidah fi al-Radd ‘ala Qa’il bi khulq Qur’an*, *Farq baina al-Islam wa al-Iman*,³⁵ *Bayan Ahwal al-Nass yawm al-Qiyamah*³⁶ dan juga *Mulhah al-I’tiqad aw al-‘Aqa’id*.³⁷

Fiqh dan Usul Fiqh

Bidang ini merupakan bidang utama Izz al-Din Ibn Abd Salam, antara karangan beliau dalam bidang ini ialah *al-Qawa’id al-Kubra*, *al-Qawa’id al-Sughra*,³⁸ *al-Imam di Bayan Adillah al-Ahkam*,³⁹ *Maqasid Salah*,⁴⁰ *al-Targhib an Solah al-Ragha’ib al-Mawdu’ah*,⁴¹ *Maqasid al-Sawm*,⁴² *Manasik al-Hajj*,⁴³ *Ahkam Jihad wa Fadhi*,⁴⁴ *al-Ghayah fi Iktisar Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Madhab li Imam al-Haramain al-Juwaini*, *al-Jam’u baina al-Hawi wa al-Nihayah* dan *Syarah Muntahi al-Sul wa ‘Aml fi Ilmi al-Usul wa al-Jidal li Abi Amru Ibn al-Hajib al-Maliki*.

Tasauf

Karangan Izz al-Din dalam bidang tasauf *Syajarah al-Ma’arif wa Ahwal wa Salih al-Aqwal wa al-A’mal*,⁴⁵ *al-Fitan wa al-Balaya wa al-Mihni*,⁴⁶ *Risalah fi al-Qutub wa al-Abdal al-Arba’in*, *Maqasid al-Ri’ayah li Huquq Allah li Harith al-Muhasib*,⁴⁷ *Zubadu Khulasah al-Tasawuf*⁴⁸ dan juga *Masa’il al-Tariqah fi ‘Ilm al-Haqiqah*.

Sirah

Terdapat dua kitab karangan beliau yang berkisar mengenai sirah Nabi SAW iaitu *Bidayah al-Sul fi Tafdhil al-Rasul alaih al-Salam aw Ghayat al-Usul fima Sanh min Tafdhil al-Rasul*⁴⁹ dan *Qisah Wafat Nabi SAW*.

Fatawa

Sebagai seorang mufti, Izz al-Din Ibn Abd Salam turut mempunyai himpunan fatwa dalam pelbagai isu yang dibukukan bagi menjawab persoalan-persoalan yang diajukan kepada beliau semasa menjadi mufti iaitu kitab *al-Fatawa al-Misriyyah*⁵⁰ dan juga *al-Fatawa al-Mawsiliyyah*.⁵¹

Lain-lain

Izz al-Din Ibn Abd Salam juga mempunyai tinggalan penulisan dalam ilmu syair, kemasyarakatan serta akhlak dan adab. Antaranya *Majlis fi Dhimu al-Hasyiyah*, *Nihayah al-Raghbah fi al-Adab al-Shbah*, *Thalatha wa Thalathu Syi’r fi Madah al-Ka’bah*, *Targhib ahl Syam fi Sakni al-Sham*.⁵²

Daripada penulisan beliau, tidak dinafikan beliau merupakan seorang tokoh yang hebat dalam pelbagai bidang. Justeru itu tidak hairanlah beliau mendapat pelbagai gelaran dan pangkat yang diiktiraf oleh ilmuan Islam sesuai dengan ketokohan beliau dan juga ketegasan beliau di dalam menyatakan kebenaran.

³³ Ibn Abd Salam (1995), *Rasa’il al-Tawhid*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

³⁴ Risalah ini telah dihimpunkan bersama di dalam “Rasa’il al-Tawhid”.

³⁵ Ibn Abd Salam (1995), *al-Farq Bayna al-Islam wa al-‘Iman*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

³⁶ Ibn Abd Salam (1995), *Bayan Akhwal al-Nass Yaum al-Qiyamah*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

³⁷ Risalah ini turut dihimpunkan bersama di dalam “Rasa’il al-Tawhid”.

³⁸ Ibn Abd Salam (1996), *al-Qawa’id al-Sughra*, Beirut: Dar al-Fikr.

³⁹ Ibn Abd Salam (1987), *al-Imam*, Beirut: Dar al-Basha’ir al-Islamiyyah.

⁴⁰ Ibn Abd Salam (2005), *Maqasid al-Solat*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

⁴¹ Ibn Abd Salam (2005), *Risalah fi al-Dhim Solat al-Raghaib*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

⁴² Ibn Abd Salam (1995), *Maqasid al-Sawm*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

⁴³ Ibn Abd Salam (2008), *Manasik al-Hajj*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

⁴⁴ Ibn ‘Abd al-Salam (2005), *Ahkam al-Jihad wa Fada’iluh*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

⁴⁵ Ibn Abd Salam (2003), *Shajarah al-Ma’arif wa al-Ahwal wa Salih al-Aqwal wa al-‘Amal*, Beirut: Dar Kutub al-‘Ilmiyyah.

⁴⁶ Ibn Abd Salam (2005), *al-Fitan wa al-Balaya*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

⁴⁷ Ibn Abd Salam (1995), *Maqasid al-Ri’ayah Li Huquq Allah ‘Azzawajal aw Mukhtasar Ri’ayah al-Muhasibi*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

⁴⁸ Ibn Abd Salam (2009), *Zubadu al-Khulasah al-Tasawwuf*, Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.

⁴⁹ Ibn Abd Salam (1999), *Bidayah al-Siwl fi Tafdhil al-Rasul alaih al-Salam*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

⁵⁰ Ibn Abd Salam (2007), *al-Fatawa al-Misriyyah*, Damsyik: Dar al-Fikr.

⁵¹ Ibn Abd Salam (1999), *al-Fatawa al-Mawsiliyyah*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

⁵² Ibn Abd Salam (1992), *Targhib Ahl Syam Fi Sakni al-Sham*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

Perbincangan Faktor yang mempengaruhi ketokohan Izz al-Din Ibn Abd Salam

Setiap manusia mempunyai latar belakang pemikiran berbeza, hal ini kerana setiap tingkah laku manusia itu terbentuk melalui hasil daripada pengalaman yang berbeza. Faktor-faktor persekitaran hidup mampu mempengaruhi pola pemikiran seseorang. Dalam membincangkan mengenai pemikiran tokoh, seseorang pengkaji tidak boleh mengabaikan faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi pemikiran seseorang tokoh. Justeru kajian memperlihatkan beberapa faktor yang mempengaruhi pemikiran tokoh yang dikaji.

Latar Belakang Sosial Kehidupan Izz al-Din Ibn Abd Salam

Izz al-Din Ibn Abd Salam menjalani kehidupan pada tahun 577H/1181M dan meninggal dunia pada tahun 660H/1261M. Hal ini bermakna umur beliau sekitar 83 tahun. Sepanjang hayatnya, beliau menjalani kehidupannya dalam dua buah negara iaitu Damsyik kemudian berpindah ke Mesir pada tahun 639H seterusnya wafat di sana pada tahun 660H. Diriwayatkan juga beliau pernah ke Baghdad bagi tujuan menuntut ilmu. Ketegasan Izz al-Din Ibn Abd Salam mengenai kebenaran ketika berhadapan dengan para pemimpin-pemimpin menjadikan beliau seseorang yang disegani kawan dan lawan. Kecemerlangan beliau dalam keilmuan dibuktikan dengan deretan penulisan ilmiah dalam pelbagai bidang pengajian Islam. Pada perbincangan ini, pengkaji akan menerokai sosial kehidupan pada zamannya.

Sosio Politik

Ketika Izz al-Din Ibn Abd Salam lahir, Mesir sudah berada di bawah hujung pemerintahan Bani Ayyub yang sedang memasuki fasa pemerintahan kerajaan *Mamalik*, manakala Damsyik (Sham) berada di era pertengahan kerajaan Bani Ayyub. Terdapat tiga pemerintahan Islam yang terlibat sepanjang tempoh kehidupan Izz al-Din Ibn Abd Salam iaitu Bani Ayyub, Kerajaan Mamalik dan Khilafah Bani Abbasiyyah.⁵³ Keadaan umat Islam ketika zaman Izz al-Din Ibn Abd Salam bergejolak dengan pelbagai musibah dari luar dan dalaman kerajaan Islam. Untuk mendapat gambaran yang jelas mengenai situasi politik ketika itu, semestinya perlu dijelaskan mengenai struktur perubahan pemerintahan di Syam dan Mesir.

Syam pada kurun kelima merupakan rebutan antara dua kuasa besar umat Islam ketika itu ialah Kerajaan ‘Abbasiyyah⁵⁴ yang berpusat di Baghdad dan Kerajaan Fatimiyyah⁵⁵ yang berpusat di Mesir. Setelah kedua-dua kerajaan tersebut lemah dan hanya meninggalkan sebutan nama Sultan mereka dalam khutbah Jumaat sama ada di Baghdad mahupun Mesir, berdiri sebuah kerajaan keluarga Nuri⁵⁶ di Syam yang diperintah oleh Mahmud Nur al-Din al-Malik al-‘Adil yang dipanggil dengan gelaran Zinki. Setelah terbunuuh dalam perang salib, beliau digantikan oleh anaknya iaitu Nur al-Din Zinki sekitar tahun 541H.

⁵³ Pemerintahan Bani Ayyub dan kerajaan Mamalik sememangnya berada di bawah naungan Khilafah Bani ‘Abbasiyyah di Baghdad. Atas faktor kelemahan pusat pemerintahan di Baghdad, kerajaan Bani Ayyub dan Mamalik seakan-akan bergerak bebas tidak terikat hanya tinggal sebutan nama khalifah ‘Abbasiyyah sahaja di dalam khutbah.

⁵⁴ Kerajaan Abbasiyyah merupakan Khilafah Islamiyyah yang kedua berkuasa pada (750-1517M) selepas penyingkiran pemerintahan kerajaan Bani Umayyah di Baghdad. Kerajaan ini berkembang selama dua kurun tetapi secara perlahan-lahan mengalami zaman kejatuhan. Kerajaan ini akhirnya berakhir pada tahun 1256M selepas diserang Hulagu Khan panglima tentera Mongol menghancurkan Kota Baghdad. Ke semua waris khalifah di bunuh kecuali seorang yang sempat melarikan diri ke Mesir, Namun beliau hanya menjadi wayang dalam pemerintahan di Mesir tanpa kekuasaan yang selayaknya bermula 1261-1517M sehingga kebangkitan Khilafah Uthmaniyyah yang menguasai Mesir yang mengakhiri pemerintahan mereka di Mesir. Lihat C. E. Bosworth (2008), *Encyclopedia of Islamic Civilisation and Religion*, Ian Richard Netton (ed.), London: Routledge, h. 2.

⁵⁵ Kerajaan Fatimiyyah atau dikenali juga dengan nama ‘Ubaidiyah merupakan sebuah kerajaan beraliran Syiah ‘Ismailiyah yang pada awalnya berpusat di Tunisia, Afrika Utara. Diasaskan oleh ‘Ubaydullah al-Mahdi yang mendakwa beliau daripada keturunan ‘Ali Ibn Abu Talib. Pada tahun 969M kerajaan ini menguasai Mesir dan sebahagian Syria. Kewujudannya merupakan tandingan bagi kerajaan Sunni ‘Abbasiyyah yang berpusat di Baghdad. Kerajaan ini berakhir pada tahun 1171M dan dikembalikan pada Sunni di bawah pemerintahan seterusnya oleh Salah al-Din al-Ayyub. Lihat C.E Bosworth (2008), *Encyclopedia of Islamic Civilisation and Religion*, Ian Richard Netton (ed.), London: Routledge, h. 169 & 665.

⁵⁶ Kerajaan Nuri atau Nuriyyah di Sham merupakan pecahan keluarga Kerajaan Turki yang bernama “Ata Bek” yang merupakan salah satu rumpun bangsa Turki yang mengembang ketika itu dan menguasai sebahagian besar dari tanah-tanah Islam seperti Iraq, Parsi, Sham, Asia kecil dan lain-lain. “Ata” erti pengasuh, “Bek” raja. Menurut Hamka boleh jadi dari sini digunakan gelaran Algazi Mustafa Kamal Pasha, pembangun Turki baru iaitu Attartuk (pengasuh Turki). Lihat Hamka (1977), *Sejarah Umat Islam*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, h. 218.

Prestasi Nurul al-Din Zinki sebagai raja ketika itu sangat membanggakan dan berjaya memperkuuhkan keadaaan kekuasaannya. Beliau dikenali sebagai seorang raja yang sangat adil dan mencintai ilmu pengetahuan. Bahkan nama beliau termasuk dalam golongan raja-raja Islam yang adil setaraf dengan Khalifah ‘Umar ‘Abd ‘Aziz kerana kesalihan beliau.⁵⁷

Sewaktu Sham di bawah pemerintahannya, beliau telah menghantar angkatan perang yang diketuai oleh dua orang panglima iaitu Asad al-Din al-Syirkuh dan Salah al-Din al-Ayyub⁵⁸ ke Mesir untuk menawan dari Kerajaan Fatimiyyah yang ketika itu sudah mulai lumpuh. Mesir dengan mudah dapat ditawan tanpa berlaku sebarang peperangan berikutan kerajaan Bani Fatimiyyah sudah mulai lemah kerana tidak mempunyai pimpinan yang kuat selepas kewafatan Aziz ‘Ubaidi⁵⁹ dan serta diserang oleh tentera Salib. Kewafatan Asad al-Din Al-Syirkuh⁶⁰ membolehkan Salah al-Din al-Ayyub atau dikenali oleh sarjana barat dengan panggilan “Saladin” mentadbir Mesir dan memperkuuhkan kedudukannya di Mesir. Beliau memanggil kaum kerabat ke Mesir bagi memperkuuhkan kedudukannya di Mesir dan seterusnya beliau mengangkat dirinya sebagai Sultan dan langsung memutuskan hubungan dengan Kerajaan Nuri di Sham.⁶¹

Setelah kemangkatan Raja Nur al-Din di Sham beliau digantikan oleh puteranya Saleh Ibn Mahmud dan kemudian wafat setelah 12 tahun memerintah serta berakhirlah kerajaan Nuri di Sham. Salah al-Din al-Ayyub telah mengistiharkan kekuasaan penuhnya ke atas Syam dan Mesir dalam menyatukan kerajaan Islam dan melebarkan kekuasaannya di tanah Arab. Hasilnya dinasti ini cemerlang menangkis dan berjaya mengalahkan tentera Salib dalam pelbagai siri peperangan.⁶² Salah al-Din al-Ayyub mempunyai 17 orang anak lelaki dan 1 orang perempuan, bagi mengukuhkan kedudukannya beliau telah melantik anak-anak sebagai raja yang memerintah bagi setiap kawasan yang ditawannya antaranya Homs, Homat dan Damsyik.⁶³

Berikut merupakan susu-galur kerajaan Bani Ayyub dan Mamalik di Mesir:⁶⁴

Salah al-Din Yusof Ibn al-Ayyub 567-589H

Al-‘Aziz Imad al-Din ‘Uthman Ibn Yusof 589-595H

Al-Mansur Muhammad Ibn ‘Uthman 595H

Malik al-Afdal Nur al-Din ‘Ali Ibn Salah al-Din Yusof 595H-596H

Al-‘Adil Abu Bakr Ibn Ayub 596H-615H

Al-Kamil Muhammad Ibn al-‘Adil 615H-635H

Al-‘Adil Abu Bakr Ibn al-Kamil 635H-636H

Al-Salih Najm al-Din Ibn al-Kamil 636H-647H – Perpindahan Izz al-Din Ibn Abd Salam ke Mesir

Al-Amir Fakh al-Din Ibn al-Syeikh 647H

Al-Mu’azzam Ibn al-Salih al-Ayyub 647-648H

Syajar al-Dur 648H – Generasi terakhir Bani Ayyub (Perempuan)

⁵⁷ Hamka (1977), *Sejarah Umat Islam*, h. 218.

⁵⁸ Beliau merupakan pengasas Dawlah al-Ayyubiyyah atau Bani Ayyub di Mesir. Berasal dari bangsa Kurdish. Pada awalnya beliau merupakan panglima perang kepada Kerajaan Nuriyyah di Damsyik, kemudian beliau berjaya menguasai Mesir dan seterusnya memerintah di Mesir. Lihat Mardhiyah Badri (2010), *Ensiklopedia Kesenian & Warisan Islam*, Kuala Lumpur: Anzagain, j 11, h. 46.

⁵⁹ Pemerintah terakhir daulah Fatimiyyah sebelum digantikan Salah al-Din al-Ayyub. Lihat Akbar Shah Najeebabadi (2011), *The History Of Islam*, Lebanon: Darussalam, j 2, h. 354 & 355.

⁶⁰ Beliau merupakan bapa saudara kepada Salah al-Din al-Ayyub iaitu adik beradik kepada Najm al-Din al-Ayyub. Merupakan salah seorang panglima perang kepada Nur al-Din Zinki.

⁶¹ Terdapat perbezaan pandangan antara sejarawan, menurut ‘Ali Sallabi, Salah al-Din al-Ayyub tidak memutuskan hubungannya dengan Syam, bahkan Mesir masih lagi dibawah pemerintahan Syam, selepas kewafatan Nur al-Din, Salah al-Din telah menyatukan Syam dan Mesir di bawah pemerintahannya selepas kelemahan pengganti beliau iaitu Nur al-Din, menurut beliau sekalipun berlaku perselisihan antara kedua-duanya tidak lah sampai memutuskan hubungan. Setelah Mesir berjaya ditawan Salah al-Din, Nur al-Din telah banyak membantu Salah al-Din, termasuk menghantar keluarga Salah al-Din ke Mesir atas permintaan beliau. Lihat perbincangan diatas dalam, Muhammad Ali al-Sallabi (2008), *Salah al-Din al-Ayyubi wa Juhudihi fi al-Qada’ ‘Ala al-Dawlah al-Fatimiyyah wa Tahrir Bayt al-Muqaddas*, Beirut: Dar Ma’rifah, h. 215-222.

⁶² Perang Salib berlaku dalam tempoh sekitar dua abad iaitu 1096-1291M dengan tujuh siri peperangan. Peperangan ini berlaku di antara umat Islam dan Kristian. Palestin merupakan salah satu daripada wilayah yang menjadi tujuan agresif pasukan Salib dan Salah al-Din al-Ayyub merupakan salah seorang panglima perang yang memimpin gerakan tentera Islam memerangi tentera Salib. Peperangan ini diakhiri dengan perjanjian damai yang meletakkan Baitul Maqdis dalam wilayah penguasaan umat Islam sementara umat Kristian dibenarkan menziarahinya tanpa membawa senjata. Lihat Mohd Roslan Mohd Nor & Nor Shakila Mohd Noor (2012). “Perang Salib dan Kejayaan Salahuddin Al-Ayubi memgembalikan Islamic Jerusalem kepada umat Islam.” *Jurnal al-Tamaddun*, Jil. 7, Bil. 1, h. 62 & 72; A.G Noorani (2007), *Islam dan Jihad: Prasangka atau Kenyataan*, Kuala Lumpur: PTS Publications, h. 5.

⁶³ Bibras al-Mansur (1993), *Mukhtar al-Akhbar Tarikh al-Dawlah al-Ayyubiyyah wa Dawlah Mamalik al-Bahriyyah hatta Sanah 702H*, Mesir: Dar al-Masriyyah al-Lubnaniyyah, h. 3-12; Hamka (1977), *Sejarah Umat Islam*, h. 218 & 228.

⁶⁴ Hamka (1977), *Sejarah Umat Islam*, h. 213-214.

Malik al-Mu'iz Izz al-Din Aibek 648H – Permulaan pemerintahan Mamalik di Mesir

Malik Mansur Nur al-Din Ali Ibn Malik al-Muizz Aibek 655H

Malik al-Muzaffar Saif al-Din Quthz 657H

Malik al-Zahir Rukn al-Din Bibras 658H-676H – Tahun kematian Izz al-Din Ibn Abd Salam di Mesir 660H

Susur galur pemerintahan kerajaan Bani Ayyub di Damsyik:⁶⁵

Al-Malik al-Afdal Nur al-Din 'Ali 582H

Al-Malik Abu Bakr Saif al-Din 592H

Al-Malik al-Mu'azzam Sharif al-Din 615H

Al-Malik Daud Nasir al-Din 624H

Al-Malik Musa al-Ashraf 626H

Al-Malik Ismail al-Saleh 635H

Al-Kamil, al-'Adil, al-Saleh, al-Muzaffar (raja-raja Ayyub dari Mesir datang silih berganti menguasai Damsyik) 635-645H

Al-Malik Nasir Salah al-Din Yusof (Raja Bani Ayyub dari Halab) 648H-658H

Al-Malik Zahir al-Din Gazi 582H

Al-Malik Aziz al-Din Muhammad 613H

Al-Malik Nasir al-Din Yusof 634-685H

Dari tahun kelahiran Izz al-Din Ibn Abd Salam, dapat dikenalpasti beliau menjalani kehidupannya pada tujuh generasi era Bani Ayyub di Damsyik yang terakhirnya adalah ketika era pemimpin Bani Ayyub dari Mesir silih berganti di Damsyik. Ketika perpindahan beliau ke Mesir pada tahun 639H sehingga beliau wafat, beliau berada di bawah empat generasi pemerintahan Bani Ayyub yang terakhirnya merupakan waris perempuan Bani Ayyub iaitu Syajar al-Durr dan kemudian berlaku peralihan kuasa kepada pemerintahan Mamalik.⁶⁶ Di bawah pemerintahan kerajaan Mamalik, Izz al-Din Ibn Abd Salam sempat berada di bawah empat orang pemerintahnya yang silih berganti. Kerajaan ini memainkan peranan yang kuat di dalam memerangi bangsa tartar.

Pada tahun 656H empat tahun sebelum kewafatan Izz al-Din Ibn Abd Salam telah berlaku satu peristiwa besar dalam kerajaan besar umat Islam ketika itu dengan kejatuhan pusat Kerajaan Bani 'Abbasiyyah di Baghdad akibat serangan bangsa Tartar iaitu tentera Mongol. Selama tiga tahun lebih, umat Islam kehilangan pusat pemerintahan. Dan pada tahun 660H bersamaan dengan tahun kewafatan Izz al-Din Ibn Abd Salam sekali lagi berlaku perubahan kuasa apabila waris pemerintahan Bani 'Abbasiyyah di Baghdad telah diistiharkan pemerintahannya di Mesir setelah beliau satu-satunya waris kerajaan 'Abbasiyyah yang terselamat dari pembunuhan kejam yang dilakukan tentera Mongol ke atas semua pewaris khalifah 'Abbasiyyah. Namun kekuasaan pemimpin 'Abbasiyyah ini hanya terhad kepada bidang-bidang tertentu sahaja, hal ini berikutnya pemerintahan kerajaan Mamalik masih lagi berkuasa di Mesir.⁶⁷

Antara perkara yang berlaku pada era kehidupan Izz al-Din Ibn Abd Salam, peralihan kuasa era pemerintahan dari satu generasi kepada generasi lain bermula dari era pemerintahan Bani Ayyub kemudian pemerintahan Mamalik dan seterusnya kedatangan Khalifah 'Abbasiyyah), lanjutan krisis perang salib (1096-1291M), serangan bangsa tartar terhadap pusat pemerintahan khalifah 'Abbasiyyah di Baghdad dan perebutan kuasa antara kerajaan Islam. Cerminan pemimpin memberi gambaran yang

⁶⁵ Hamka (1977), *Sejarah Umat Islam*, h. 228.

⁶⁶ Pemerintahan Mamalik adalah pemerintahan daripada golongan hamba sahaya yang dibeli oleh pemerintah asal. Pemimpin bani Ayyub yang ke lapan iaitu Salih Najm al-Din al-Ayyub bertanggungjawab membawa maksud golongan Mamalik ke Mesir bagi tujuan mengukuhkan kekuasaannya. Generasi Bani Ayyub yang terakhir tidak mempunyai waris lelaki sedangkan hukum Islam tidak memberarkan seseorang wanita menjadi pemimpin sesebuah negara. Akhirnya salah seorang hamba yang dibeli itu dinikahkan kepada anak perempuannya untuk diwarisi kerajaannya. Maka bermula dinasti Mamluk atau Mamalik di Mesir. Bangsa Mamluk terdiri daripada banyak bangsa dan dua yang dominan daripadanya terdiri daripada Turki dan Jarkash yang menguasai Mesir. Lihat Hamka (1977), *Sejarah Umat Islam*, h. 207; Wan Kamal Mujani (2012), "Sejarah Politik Mamluk (648H-922H-1250-1517M): Suatu pengamatan berdasarkan sumber primer dan sekunder," *International Journal of West Asian Studies*, Jil. 2, Bil. 10, h. 20-21; Sa'id 'Abd al-Fatah (1976), *al-'Asr al-Mamalik Fi Misr wa al-Sham*, Kaherah: Dar Nahdah al-'Arabiyyah, h. 5.

⁶⁷ Beliau ialah Ahmad Ibn al-Zahir Ibn al-Nasir al-Din Allam setelah dihimpunkan para ilmuwan ketika itu, sepakat mengatakan beliau sah merupakan bapa saudara kepada Khalifah 'Abbasiyyah yang terbunuh ketika itu. Lihat Hamka (1977), *Sejarah Umar Islam*, h. 207; Al-Siru Walim Muwayyar (1995), *Tarikh Dawlah al-Mamalik Fi Misr*, Kaherah: Maktabah Madbuli, h. 49.

jelas kepada rakyat yang dipimpin, keadaan yang kacau bilau ini menyebabkan situasi umat Islam sangat tertekan dengan kemiskinan ekonomi dan sebagainya. Tiada kekuatan jitu umat Islam yang berkuasa ketika itu baik dari kalangan Sunni maupun Syiah.

Keadaan negara yang tidak menentu menjadikan Izz al-Din Ibn Abd Salam seorang yang mempunyai perwatakan yang tegas dan berprinsip dalam berpegang dengan kebenaran sekalipun beliau perlu berhadapan dengan ancaman daripada pemerintah. Izz al-Din Ibn Abd Salam yang telah dilantik menjadi mufti Damsyik dan kemudiannya Mesir telah memainkan peranan yang sebaiknya dalam pemerintahan dan menjadi contoh kepada masyarakat.

Antara bukti kewibawaan beliau sebagaimana yang direkodkan oleh tokoh sejarawan ketika memutuskan fatwa di Damsyik. Pada tahun 638H berlaku perbalahan antara pemerintah Damsyik ketika itu Saleh Ibn Ismail dan pemerintah Mesir Najm al-Ayyub. Saleh Ismail ketika itu berasa gentar dan merancang membuat pakatan bersama tentera Salib untuk menyerang Najm al-Din al-Ayyub. Dijanjikan beberapa kawasan untuk dihadiahkan kepada tentera Salib⁶⁸ serta dibenarkan penjualan senjata kepada tentera Salib bagi tujuan memerangi kaum muslimin. Hal ini sampai kepada pengetahuan Izz al-Din Ibn Abd Salam yang ketika itu menjawat jawatan sebagai mufti dan khatib di Mesir.

Beliau telah mengeluarkan fatwa haram penjualan senjata kepada tentera Salib. Selanjutnya beliau menaiki mimbar masjid Ummawi dan berkutbah dengan mengkritik dan mengecam tindakan Salih Ibn Ismail serta tidak mendoakan lagi pemerintah dalam khutbahnya sebaliknya menunjukkan bahawa beliau seakan-akan telah keluar daripada ketaatan kepada pemerintah ketika itu. Selepas berita ini sampai kepada Salih Ismail yang ketika itu berada di luar Damsyik, beliau memutuskan memecat Izz al-Din Ibn Abd Salam serta memenjarakannya.⁶⁹

Di Mesir pula, Izz al-Din Ibn Abd Salam berhadapan dengan pelbagai isu politik yang melibatkan isu-isu pemerintahan yang bertentangan dengan syariah. Antaranya isu perlantikan perempuan sebagai pemerintah di Mesir, isu perlantikan hamba sebagai wazir di Mesir. Semua hal ini adalah sesuatu yang dilarang. Izz al-Din Ibn Abd Salam yang menjawat jawatan sebagai mufti bersikap tegas dalam kesemua isu ini sehingga para pemerintah terpaksa akur terhadap fatwa yang dikeluarkannya kecuali ketika beliau berada di Damsyik, kerana keangkuhan pemerintah Damsyik ketika itu yang melanggar fatwa yang dikeluarkan oleh beliau. Walaubagaimanapun kerajaan tersebut tidak bertahan lama apabila ditawan oleh pemerintah Mesir.

Sosio Ekonomi

Peperangan dan ketidakstabilan pemerintahan di Damsyik dan Mesir mengakibatkan kemunduran ekonomi umat Islam ketika itu. Ianya merupakan faktor kemiskinan yang dihadapi oleh Izz al-Din Ibn Abd Salam dan keluarganya. Antara bukti jelas kelemahan ekonomi kerajaan Islam akibat dari peperangan yang berlaku, pemerintah terpaksa untuk memutuskan mengambil harta peniaga di pasar untuk memerangi bangsa tatar berikutan harta negara yang berkurang, namun hal ini dibantah oleh Izz al-Din Ibn Abd Salam ketika itu dengan mengatakan tanggungjawab keselamatan negara dibawah tanggungjawab pemimpin, mengambil harta rakyat untuk tujuan peperangan adalah harus sekiranya semua harta baitulmal sudah digunakan, harta-harta kerajaan dan perhiasan-perhiasan semua sudah dijual, begitu juga didahului harta para umara' sebelum digunakan harta rakyat. Setelah demikian, mereka melakukan kesemua perkara tersebut, apabila keperluan masih lagi tidak mencukupi raja ketika itu meminta satu dinar bagi setiap mereka yang mampu di Mesir.⁷⁰ Peristiwa ini memberi gambaran yang jelas keadaan ekonomi Mesir ketika itu yang berada dalam keadaan yang sangat kritikal. Peristiwa ini berlaku pada zaman pemerintahan *Mamalik* di bawah kepimpinan Raja Muzaffar Saif al-Din.

⁶⁸ Antara tempat yang dihadiahkan kepada tentera Salib ialah beberapa buah kubu pertahanan di Damsyik. Lihat Lilmakin Jarjas Ibn al-'Amid (t.t.), *Akhbar al-Ayyubin*, Mesir: Maktabah al-Thaqafiyyah al-Dinniyah, h. 31.

⁶⁹ Peristiwa ini membawa kepada penghijrahan Ibn Abd al-Salam dari Mesir. Setelah habis menjalani hukuman Pada awalnya beliau menuju ke al-Quds, kemudian bertemu tentera Salih Ismail bersama tentera Salib dalam perjalanan memerangi Najm al-Din al-Ayyub. Salih Ibn Ismail telah mengutuskan seseorang untuk memujuknya serta mencium tangan Salih Ismail. Ibn Abd al-Salam menolak permintaan Salih Ismail dengan mengatakan kepada utusan tersebut "wahai miskin, aku sesekali tidak meredhai beliau mencium tanganku, bagaimana aku hendak mencium tangannya". Setelah menjawab sedemikian, beliau telah dipenjarakan di khemah tentera Salih Ismail. Setelah tentera mereka ditewaskan oleh Najm al-Din al-Ayyub beliau dibawa ke Mesir bersama tentera Najm al-Din al-Ayyub dan menetap di sana. Lihat al-Sallabi (2009), *Sultan al-'Ulama wa Bai' al-Umara*', h. 63-64.

⁷⁰ Al-Sallabi (2009), *Sultan al-'Ulama wa Bai' al-Umara*', h. 69.

Mazhab dan Perkembangan Ilmu

Di Damsyik terdapat dua mazhab yang dominan iaitu Shafi'i dan Maliki. Namun yang lebih besar pengaruh antara keduanya adalah mazhab Shafi'i. Izz al-Din Ibn Abd Salam seorang yang bermazhab Shafi'i dan beliau juga merupakan seorang mufti dalam kedua-dua buah negara yang didiaminya justeru itu mazhab Shafi'i merupakan mazhab rasmi negara yang didiaminya.

Di Mesir tidak dapat disangkal lagi ini kerana pengasas Dawlah Ayyubiyyah di Mesir iaitu Sultan Salah al-Din al-Ayyub merupakan seorang yang bermazhab Shafi'i. Pengaruh mazhab Maliki pula tidak boleh dinafikan kewujudannya, hal ini boleh dilihat melalui rakannya di Damsyik yang bersama menyokong menentang kemungkaran Salih Ibn Ismail iaitu Syeikh Jamal al-Din Abu Bakr seorang *fuqaha* Mazhab Maliki,⁷¹ begitu juga sebahagian muridnya yang masyhur merupakan antara *fuqaha* besar mazhab Maliki seperti al-Qarrafi, terdapat juga sebahagian daripada mereka yang pada awalnya bermazhab Maliki namun beralih kepada al-Shafi'i setelah menekuni daripada Izz al-Din Ibn Abd Salam seperti Ibn Daqiq al-I'id.

Dari sudut kegiatan perkembangan ilmu di Damsyik dan Mesir sentiasa berterusan hal ini dibuktikan dengan deretan tokoh-tokoh ulama yang hebat pada kurun keenam hijrah sama ada di Damsyik maupun Mesir. Hal ini kerana pengasas *dawlah* Bani Ayyub Salah al-Din al-Ayyub dan pemimpin kerajaan Nuriyyah antara para pemimpin yang mementingkan perkembangan ilmu pengetahuan. Perkara ini menjadi antara faktor kerajaan mereka mampu bertahan lama. Sebagai contoh di Syam Nur al-Din al-Zinki telah membina beberapa buah madrasah antaranya sebuah madrasah yang besar untuk pengajian mazhab Shafi'i di Halab, madrasah pengajian mazhab Hanafi di Damsyik dan madrasah pengajian hadith.⁷²

Salah al-Din al-Ayyub di Mesir dikenali seorang suka menghampiri majlis-majlis ilmu, mendengar bacaan hadith bahkan beliau seorang faqih dalam mazhab Shafi'i, hafiz al-Quran dan juga kitab tanbih (salah sebuah kitab fiqh mazhab Shafi'i). Ketika Mesir di bawah pemerintahannya beliau juga turut membina beberapa buat madrasah antaranya Yusufiyyah, madrasah Salahiyyah dan turut diadakan pengajian fiqh bagi empat mazhab. Rata-rata pemimpin dari generasi Bani Ayyub turut melakukan perkara yang sama diwariri oleh pengasasnya dengan memperbanyakkan madrasah antaranya Malik al-'Adil, Najm al-Din al-Ayyub. Hal ini turut diwarisi oleh pemerintahan seterusnya iaitu kerajaan Mamalik dengan memperbanyakkan sekolah dan mendampingi ulama.⁷³ Perkara ini menjadikan ulama merupakan orang yang disegani baik dari kalangan pemerintah maupun masyarakat.

Antara tokoh besar dan masyhur yang wujud ketika itu Fakh al-Din al-Razi (606H), Ibn Atsir al-Jazri al-Muhaddith (606), Ibn Qudamah al-Hanbali (620H), Ibn Atsir al-Jazri al-Mu'arrih (630H) 'Abd Karim al-Rafi'I (624H), al-Amidi (631H), Ibn Salah (643H) Ibn Hajib al-Usuli (646H), Ibn Taymiyyah (652H), Ibn Malik al-Nahwi (672H), Ibn Khalikhan (684H), al-Qadi al-Baydawi (685H), Syeikh Jamal al-Din al-Maliki dan lain-lain.

Sosial Masyarakat

Masyarakat di Mesir dan Damsyik pada zaman Izz al-Din Ibn Abd Salam terdiri dari kalangan Arab dan 'Ajam. Majoriti penduduknya berbangsa arab, manakala sebahagian darinya terdiri daripada bangsa asing. Golongan pemerintah khalifah 'Abbasiyyah pula berketurunan arab, kerajaan Nuriyyah dan kerajaan Mamalik pecahan dari bangsa Turki serta kerajaan Bani Ayyub berbangsa Kurdistan.

Keadaan masyarakat di Mesir dan Syam terdiri daripada golongan pemerintah, bangsawan, ilmuan, rakyat biasa dan hamba. Kebanyakan mereka berkhidmat sebagai tentera berikutnya keadaan perperangan yang seringkali berlaku. Keadaan sosial masyarakat sebahagian terdiri daripada mereka yang patuh kepada agama dan sebahagian mereka berada dalam keadaan yang sukakan kepada perkara yang melalaikan. Kedaaan mereka bukanlah menggambarkan Islam berada di puncak peradaban ketika itu.

⁷¹ Al-Sallabi (2009), *Sultan al-'Ulama wa Bai' al-Umara*, h. 53.

⁷² Layla Muhammad Sahl al-Thabit (2010), "Ara' al-'Izz al-Din Ibn 'Abd al-Salam al-'Aqdiyyah," Tesis Master, Kuliyyah Da'wah wa Usul al-Din, Universiti Umm Qura', Mamlukah al-'Arab al-Sa'udiyyah, h. 18-19.

⁷³ al-Thabit (2010), *Ara' al-'Izz al-Din Ibn 'Abd al-Salam al-'Aqdiyyah*, h. 18-19.

Terdapat beberapa peristiwa berkaitan Izz al-Din Ibn Abd Salam yang menggambarkan keadaan masyarakat ketika itu, sebahagian masyarakat Mesir turut keluar dari Mesir ketika mendengar perkhabaran Izz al-Din Ibn Abd Salam meninggalkannya berikutan para pemerintah ingkar dalam melaksanakan syariat Allah SWT iaitu menjual para pemerintah dari kalangan hamba yang dibeli oleh Najm al-Din Al-Ayyub. Ini membuktikan bagaimana kebersamaan rakyat Mesir dan Izz al-Din Ibn Abd Salam dalam menegakkan syariat Allah SWT.⁷⁴

Dari satu aspek lain, terdapat penjualan arak di Mesir, hal ini berlaku turun temurun di Mesir dan perkara ini diakui oleh pemerintah Mesir. Izz al-Din Ibn Abd Salam sebagai mufti ketika itu bertindak dengan menegur Najm al-Din al-Ayyub kerana penjualan ini berlaku dalam negerinya. Selain daripada arak, terdapat premis-premis lain yang menjual perkara yang dilarang oleh syarak. Selain itu terdapat pusat hiburan yang dibuat oleh *wazir* di atas salah satu masjid di Kaherah yang diperdengarkan dalamnya muzik-muzik serta nyanyian.⁷⁵ Keberadaan perkara-perkara ini di negeri yang didiami oleh Izz al-Din Ibn Abd Salam menggambarkan keadaan sosial masyarakat yang dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif.

Kehidupan Izz al-Din Ibn Abd Salam di negeri yang berada dalam kemungkaran langsung tidak mempengaruhinya supaya cenderung ke arah kemaksiatan sebaliknya menjadikan beliau tegas dalam membuat keputusan berpandukan syarak dan *maslahah* umat Islam sehingga belau digeruni oleh pemerintah. Mengenai dewan hiburan yang dibina oleh *wazir* tersebut sampai kepada pengetahuan Izz al-Din Ibn Abd Salam, lantas beliau mengumpulkan semua petugas dan anak-anaknya untuk meruntuhkan binaan tersebut. Beliau juga turut mengugurkan keadilan persaksian *wazir* tersebut sekalipun *wazir* tersebut banyak memberi khidmat kepada pentadbiran kerajaan mahupun ketenteraan Mesir.⁷⁶

Keterlibatan Izz al-Din Ibn Abd Salam dalam menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran jelas kelihatan. Keterlibatan beliau dalam usaha kepada dakwah tidak dapat dinafikan, keilmuan beliau dalam segenap penjuru pengajian Islam sesuatu yang tidak dapat disangkal lagi, justeru tidak hairanlah beliau dianggap mujadid pada kurun keenam.⁷⁷

Rumusan Faktor yang Mempengaruhi Pemikiran Izz al-Din Ibn Abd Salam

Izz al-Din Ibn Abd Salam, seorang ulama terkenal yang hidup pada zaman pertengahan Islam, berdasarkan perbincangan suasana latar belakang dan sosial kehidupan pada zaman beliau, dapat dilihat terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi ketokohan beliau. Pengkaji merumuskan kepada beberapa tema seperti mana di bawah:

Latar Belakang Sosial dan Politik

Izz al-Din Ibn Abd Salam hidup dalam sebuah era yang penuh dengan pergolakan politik dan perperangan, termasuk peralihan kuasa antara Kerajaan Bani Ayyub dan Mamalik serta kemunculan ancaman luar seperti Perang Salib dan serangan Mongol. Keadaan ini mempengaruhi sikapnya yang tegas terhadap kezaliman dan kebatilan. Pengalaman hidup di bawah pelbagai pemerintahan yang bergolak menyebabkan beliau mengembangkan pemikiran yang kritis terhadap penguasa yang menyimpang daripada ajaran Islam.

Pengaruh Pemerintahan Islam

Beliau hidup dalam lingkungan tiga pemerintahan Islam utama—Bani Ayyub, Kerajaan Mamalik, dan Khilafah Bani Abbasiyah. Pengaruh ini memberikan Izz al-Din Ibn Abd Salam pandangan mendalam mengenai pemerintahan yang adil dan cara menghadapinya. Ketidakstabilan politik dan peralihan kuasa kerap kali memaksanya untuk menyatakan pendirian tegas dalam isu-isu keagamaan dan politik, menjadikannya tokoh yang dihormati dan ditakuti oleh penguasa.

⁷⁴ Al-Sallabi (2009), *Sultan al-'Ulama wa Bai' al-Umara*', h. 65.

⁷⁵ Al-Sallabi (2009), *Sultan al-'Ulama wa Bai' al-Umara*', h. 67.

⁷⁶ Al-Sallabi (2009), *Sultan al-'Ulama wa Bai' al-Umara*', h. 67.

⁷⁷ Abdul Rahman Mustafa (2013), *On Taqlid Ibn al-Qayyim's Critique Of Authority in Islamic Law*, United Kingdom: Oxford University Press, h. 28.

Persekutuan Keagamaan

Izz al-Din Ibn Abd Salam dikenali sebagai seorang ulama yang sangat tegas dalam menegakkan kebenaran agama, walaupun berhadapan dengan penguasa. Contoh yang paling ketara ialah ketika beliau mengeluarkan fatwa mengharamkan penjualan senjata kepada tentera Salib, yang menunjukkan keberaniannya menentang tindakan pemerintah yang bertentangan dengan prinsip Islam. Hal ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh agama dalam pemikirannya, serta komitmen beliau terhadap penegakan keadilan dan kebenaran berdasarkan ajaran Islam.

Peranan sebagai Mufti dan Khatib

Dalam peranannya sebagai mufti dan khatib, Izz al-Din Ibn Abd Salam menggunakan kedudukannya untuk menyuarakan pandangan yang berani dan kritis. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan serta khutbah-khutbah yang disampaikan sering kali menjadi platform untuk menegur dan mengkritik pemerintah yang menyeleweng. Ini menjadikan beliau bukan sahaja seorang ulama, tetapi juga seorang aktivis sosial yang berusaha untuk membawa perubahan positif dalam masyarakat.

Krisis dan Konflik Umat Islam

Era Izz al-Din Ibn Abd Salam juga menyaksikan banyak konflik dalam dunia Islam, seperti perebutan kuasa antara pemimpin Islam dan serangan dari luar seperti tentera Salib dan Mongol. Keadaan ini mengukuhkan pemikirannya bahawa kepimpinan yang adil dan berpegang teguh kepada prinsip Islam adalah kunci kepada kestabilan dan kejayaan umat. Pemikiran ini jelas tercermin dalam tindakan dan pendiriannya terhadap penguasa yang tidak adil.

Kesimpulan

Faktor sosial politik yang kompleks, disertai dengan latar belakang keagamaan yang kuat, telah membentuk Izz al-Din Ibn Abd Salam menjadi seorang ulama yang tegas dan berprinsip. Beliau tidak gentar untuk menegur penguasa dan bersuara menentang kezaliman, menjadikannya contoh ketokohan yang dihormati dalam sejarah Islam. Pemikirannya yang kritis dan berani menjadi cerminan dari pengalaman hidupnya di era yang penuh cabaran dan perubahan.

Perbincangan mengenai ketokohan Izz al-Din Ibn Abd Salam tidak hanya mengungkapkan kebesaran dan ketegasan beliau sebagai seorang ulama, tetapi juga menonjolkan sumbangan besar yang telah beliau berikan kepada perkembangan hukum Islam dan masyarakat Islam secara keseluruhannya. Dalam konteks realiti semasa, karakteristik kepimpinan dan ketokohan seperti yang dimiliki oleh Izz al-Din Ibn Abd Salam adalah sangat relevan dan diperlukan. Dunia hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial, politik, dan keagamaan yang kompleks, para ulama dan pemimpin agama sering kali terpaksa berhadapan dengan tekanan dan kompromi. Namun, contoh yang ditunjukkan oleh Izz al-Din Ibn Abd Salam dengan keberanian beliau dalam berpegang kepada prinsip walaupun berhadapan dengan ancaman memberikan teladan kepada generasi ulama dan pemimpin masa kini untuk tetap teguh dalam mempertahankan kebenaran dan keadilan.

Sumbangan beliau bukan sahaja dikenang dalam sejarah, tetapi juga menjadi inspirasi dan panduan dalam menghadapi cabaran-cabaran kontemporari. Dengan meneladani sifat-sifat kepimpinan Izz al-Din Ibn Abd Salam, ulama dan pemimpin masa kini diharapkan dapat terus memimpin dengan integriti dan keberanian, serta menyumbang kepada kestabilan dan kemajuan masyarakat Islam di seluruh dunia.

Rujukan

A. G. Noorani (2007), *Islam dan Jihad: Prasangka atau Kenyataan*, Kuala Lumpur: PTS Publications.

Abd Al-Fatah, Sa'id (1976), *al-'Asr al-Mamalik Fi Misr wa al-Sham*, Kaherah: Dar Nahdah al-'Arabiyyah.

al-Sallabi, Muhammad Ali (2008), *Salah al-Din al-Ayyubi wa Juhudihi fi al-Qada' 'Ala al-Dawlah al-Fatimiyyah wa Tahrir Bayt al-Muqaddas*, Beyrut: Dar Ma'rifah.

Al-Subki, Abi Nasri Ibn 'Abd al-Wahhab (1964), *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*, Kaherah: Faysal 'Isa al-Babi al-Halabi.

Al-Thabiti, Layla Muhammad Sahl (2010), “Ara’ al-‘Izz al-Din Ibn ‘Abd al-Salam al-‘Aqdiyyah,” Tesis Master, Kuliyyah Da’wah wa Usul al-Din, Universiti Umm Qura’, Mamlukah al-‘Arab al-Sa’udiyah.

Al-Wahibi, Abdullah Ibrahim (1982), *al-‘Izz al-Din ‘Abd Salam: Hayatuhu wa Atharuhu wa Manhajuhu fi al-Tafsir*, Riyad: t.p.

Al-Zuhaly, Muhammad (1992), *al-‘Izz ‘Abd al-Salam*, Damsyik: Dar al-Qalam.

Bibras al-Mansur (1993), *Mukhtar al-Akhbar Tarikh al-Dawlah al-Ayyubiyyah wa Dawlah Mamalik al-Bahriyyah hatta Sanah 702H*, Mesir: Dar al-Masriyyah al-Lubnaniyyah.

Bosworth, C. E. (2008), *Encyclopedia of Islamic Civilisation and Religion*, Ian Richard Netton (ed.), London: Routledge.

Hamka (1977), *Sejarah Umat Islam*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Hasbullah bin Mat Daud (2011), “Teori Maqasid al-Syariah: Kajian Perbandingan Antara al-Shatibi dan Izz al-Din Ibn Abd Salam,” Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Ibn ‘Abd al-Salam (2005), *Ahkam al-Jihad wa Fadailuh*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

Ibn Abd Salam (1982), *Fawa’id Fi Mushkil al-Qur’ān*, Jeddah: Dar al-Syuruq.

Ibn Abd Salam (1987), *al-Imam*, Beirut: Dar al-Basha’ir al-Islamiyyah.

Ibn Abd Salam (1992), *Targhib Ahl Syam Fi Sakni al-Sham*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

Ibn Abd Salam (1995), *al-Farq Bayna al-Islam wa al-‘Iman*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

Ibn Abd Salam (1995), *Bayan Akhwal al-Nass Yaum al-Qiyamah*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

Ibn Abd Salam (1995), *Maqasid al-Ri’ayah Li Huquq Allah ‘Azzawajal aw Mukhtasar Ri’ayah al-Muhasibi*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

Ibn Abd Salam (1995), *Maqasid al-Sawm*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

Ibn Abd Salam (1995), *Rasa’il al-Tawhid*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

Ibn Abd Salam (1996), *al-Qawa’id al-Sughra*, Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Abd Salam (1996), *Tafsir Ibn ‘Abd al-Salam*, Beirut: Dar Ibn Hazm.

Ibn Abd Salam (1998), *Tafsir al-Qur’ān al-‘Azim*, Sa’udiah: Jami’ah ‘Umm al-Qura.

Ibn Abd Salam (1999), *al-Fatawa al-Mawsiliyyah*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

Ibn Abd Salam (1999), *Bidayah al-Suwil fi Tafdhil al-Rasul alayh al-Salam*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

Ibn Abd Salam (1999), *Majaz al-Quran*, London: Mu’assah al-Furqan Lil al-Turath.

Ibn Abd Salam (2003), *Shajarah al-Ma’arif wa al-Ahwal wa Salih al-‘Aqwal wa al-‘Amal*, Beirut: Dar Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Abd Salam (2005), *al-Fitan wa al-Balaya*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

Ibn Abd Salam (2005), *Maqasid al-Solat*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’asir.

Ibn Abd Salam (2005), *Risalah fi al-Dhim Solat al-Raghaib*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

Ibn Abd Salam (2007), *al-Fatawa al-Misriyyah*, Damsyik: Dar al-Fikr.

Ibn Abd Salam (2008), *Manasik al-Hajj*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

Ibn Abd Salam (2009), *Zubadu al-Khulasah al-Tasawwuf*, Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.

Ibn Abd Salam (2010), *Qawa'id al-Kubra*, Damsyik: Dar al-Qalam.

Ibn al-'Amid, Lilmakin Jarjas (t.t.), *Akhbar al-Ayyubin*, Mesir: Maktabah al-Thaqafiyyah al-Dinniyyah.

Ibn Saleh, 'Umar (2003), *Maqasid al-Shari'ah 'Inda al-Imam al-Izz 'Abd Salam*, Jordan: Dar al-Nafa'is.

Kahalah, 'Umar Rida (1993), *Mu'jam Mu'allifin*, Beirut: Mu'assah al-Risalah.

Mardhiyah Badri (2010), *Ensiklopedia Kesenian & Warisan Islam*, Kuala Lumpur: Anzagain.

Mohd Hafiz Jamaludin, Norhidayah Pauzi, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar dan Mahyudin Daud (2023), "The Muta'akhkhirin Scholars' Perspective on the Implementation of the Talfiq Concept in Resolving Islamic Legal Issues," *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, Jil. 25, Bil. 2, 323-353.

Mohd Roslan Mohd Nor dan Nor Shakila Mohd Noor (2012), "Perang Salib dan Kejayaan Salahuddin Al-Ayubi memgembalikan Islamic Jerusalem kepada umat Islam," *Jurnal al-Tamaddun*, Jil. 7, Bil. 1, 61-74.

Mustafa, Abdul Rahman (2013), *On Taqlid Ibn al-Qayyim's Critique Of Authority in Islamic Law*, United Kingdom: Oxford University Press.

Muwayyar, Al-Siru Walim (1995), *Tarikh Dawlah al-Mamalik Fi Misr*, Kaherah: Maktabah Madbuli.

Najeebabadi, Akbar Shah (2011), *The History Of Islam*, Lebanon: Darussalam.

Sallabi, 'Ali Muhammad (2009), *Sultan al-'Ulama wa Bai' al-Umara*', Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.

Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, Saadan Man, Norhidayah Pauzi, Mohd Anuar Ramli dan Mohd Rosdi Hassan (2018), "An Analysis on the Basic Thought of al-Shatibi (d.790H) Regarding Bid'ah Theory through His Work al-'Itisam," *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, Jil. 20, Bil. 159-194.

Wan Kamal Mujani (2012), "Sejarah Politik Mamluk (648H-922H-1250-1517M): Suatu pengamatan berdasarkan sumber primer dan sekunder," *International Journal of West Asian Studies*, Jil. 2, Bil. 10, 17-45.

